

'Usah tergugat celoteh negatif, tumpu masa depan negara'

Anwar mahu anak muda dalam bidang AI dan kejuruteraan bina ketahanan berdepan tarif AS

bhnews@bh.com.my

Ipoh: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan rakyat tidak tergugat dengan 'celoteh-celoteh' negatif, termasuk pada kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Kuning, sebaliknya melihat kepada masa hadapan negara dan pencapaian yang dikecapi.

Perdana Menteri berkata, rakyat perlu melihat kepada masa depan negara termasuk perkembangan kecerdasan buatan (AI) dan latihan anak muda dalam bidang kejuruteraan serta industri lain.

Katanya, ancaman tarif timbal balik yang dikenakan Amerika Syarikat (AS) seharusnya membuat rakyat Malaysia membina kekuatan baharu, khususnya dalam melatih generasi muda, bakat, kecekapan dan kepintaran baharu dalam kejuruteraan dan AI.

"Jangan kita cuai, pandang ringan dan digugat dengan celo-

teh-celoteh. Sekarang kita bercakap soal digital, AI. Negara terancam dengan tarif. Harus ada kekuatan baharu dalam melatih anak kita, bakat, kecekapan, kepintaran baharu dalam kejuruteraan dalam AI.

"Tapi apa yang dibicarakan adalah soal takut Kristian, Cina nak telan kita, DAP ni 'hantu', tak selesai.

"Saya tidak mengatakan kita tidak boleh bicara. Boleh, tetapi lihatlah kepada masa depan, pandanglah kepentingan anak kita. Apakah kita mampu kekalkan tahap ini atau kita lonjak laju?" kata Anwar yang juga Ahli Parlimen Tambun ketika berucap pada Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2025 peringkat Perak di Stadium Indera Mulia, di sini malam kelmarin.

Lebih 15,000 pengunjung hadir memeriahkan sambutan anjuran kerajaan negeri dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu.

Anwar mengakui gagasan multilateral Presiden AS, Donald Trump melalui penetapan tarif timbal balik setakat ini memberi kesan negatif kepada Malaysia, namun pada tahap minimum.

Justeru, beliau mengingatkan, kekuatan daya tahan dan juang harus dibina melalui kesatuan.

Bina kekuatan daya tahan

"Kita mesti bina kekuatan daya tahan, daya saing dan daya juang kita. Bahawa kekuatan kita ada, kita bersatu, kita mahu negara kita maju dan kita tidak mahu



Anwar hadir pada Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2025 Peringkat Negeri Perak di Stadium Indera Mulia, Ipoh malam kelmarin. (FotoLManimaran/BH)

mana-mana negara akan menghambat dan menyekat kemaraan kita.

"Itulah sebabnya mengapa langkah domestik kita pertingkatkan. Dalam beberapa minggu ini, saya sentiasa menghubungi rakan-rakan di ASEAN.

"Dalam semua hubungan dan perbincangan saya dengan pimpinan ASEAN, usaha bilateral diteruskan, tetapi usaha bersama multilateral ASEAN diperkuatkan kerana bila kita bicara, ia atas nama ASEAN," katanya.

Katanya, selain langkah domes-

tik dipertingkatkan menerusi kerjasama dalam ASEAN, pasaran baharu juga cuba dibuka termasuk melalui hubungan baik dengan Brazil dan Afrika Selatan yang diperakui kekuatan ekonomi mereka di benua masing-masing yang sudah dibuktikan menerusi syarikat pengeluar kereta nasional Malaysia, PROTON.

"Ini dapat melegakan sedikit, umpamanya pertumbuhan perdagangan termasuk eksport kita ke Mesir yang agak kecil iaitu meningkat 34 peratus dalam satu tahun.

"PROTON yang sebelumnya sukar untuk menembus sudah memecah tembok halangan, sekarang sudah pun berupaya untuk mengeluarkan produk PROTON di Mesir.

"Ini langkah yang kita ambil dan teruskan. China tentunya menjadi rakan dekat dan bila pemimpin-pemimpinnya datang ke Malaysia bukan sebagai pelawat atau pengunjung biasa tetapi dengan semangat persahabatan yang baik. Bagi saya ia sangat penting untuk menjamin keutuhan ekonomi kita," katanya.